

27/04/1999

Mangsa HIV, Aids tidak wajar diabaikan

Radzi Wahab

MALAYSIA akan menjadi tuan rumah Kongres Antarabangsa Mengenai Aids di Asia dan Pasifik (ICAAP) Kelima di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) Oktober ini. Persidangan itu akan dihadiri kira-kira 3,000 perwakilan membabitkan saintis, penyelidik sosial, pekerja kebajikan, ahli akademik, pegawai kerajaan, media dan pesakit Aids. Dianggap sebagai perhimpunan terbesar dan julung kali diadakan di negara Islam, kongres itu juga adalah persidangan serantau terakhir bagi alaf ini.

Penganjuran ICAAP selama lima hari mulai 23 Oktober ini dijangka membantu merencana perspektif sebenar negara di rantau Asia Pasifik terhadap perjuangan menentang cabaran baru dalam menangani HIV dan Aids bagi alaf akan datang.

Bertema 'Alaf Baru: Tindakan Kawalan dan Bergerak Ke Hadapan', kongres itu dianggap berlainan daripada perhimpunan seumpamanya sebelum ini kerana ia dijangka memfokuskan persidangan itu kepada tindakan bersepadu dalam menangani HIV dan Aids. Kewujudan program yang menjurus kepada tindakan itu dirasakan perlu kerana masalah berkaitan HIV dan Aids sekarang memerlukan perancangan yang lebih realistik. Tanpanya, permasalahan yang dihadapi pada hari ini dijangka menjadi lebih teruk dalam abad ke-21.

Hakikat itu diakui Presiden Majlis Aids Malaysia (MAM) selaku Pengerusi ICAAP Kelima, Datin Paduka Marina Mahathir yang menekankan bahawa sebagai rantau paling lewat mengalami penyakit berbahaya itu, negara di Asia Pasifik memerlukan program yang lebih berkesan dan berkaitan dalam menangani masalah itu.

"Setakat ini, walaupun wabak ini diakui semakin meningkat, orang hanya lebih banyak bercakap dan tidak berbuat apa-apa. Sesetengahnya pula menafikan langsung kewujudan penyakit itu. Jadi dalam alaf baru ini, kita perlu mengadakan program yang lebih baik. Jika tidak, keadaan pasti menjadi lebih buruk," katanya.

Sehubungan itu, beliau berkata, bersesuaian dengan temanya, kongres kali ini menumpukan perhatian terhadap keperluan untuk menilai kembali apa yang sudah dilakukan pada masa lalu. Ini membolehkan semua pihak terbabit memandang ke depan serta merumuskan program pencegahan, rawatan, penjagaan dan sokongan yang lebih baik di Asia dan Pasifik untuk masa akan datang.

Selain itu, beliau menyifatkan kongres dwitahunan itu sebagai landasan terbaik bagi masyarakat di rantau ini, terutama di Malaysia untuk membincangkan masalah itu kerana segala topik perbincangan dan perkongsian pengalaman dijangka lebih dekat kepada permasalahan yang dihadapi. Segala masalah yang membabitkan isu itu akan dibincangkan secara terperinci dan lebih relevan.

Naib Presiden Pemadam yang juga aktivis masyarakat, Datuk Lee Lam Thye menyifatkan penganjuran persidangan itu sebagai tepat pada masanya kerana berupaya meningkatkan kesedaran dan mendidik masyarakat mengenai segala aspek yang membabitkan HIV dan Aids.

"Kongres itu baik untuk membolehkan perwakilan daripada beberapa negara membentangkan kertas kerja dan perbincangan mengenai HIV dan Aids yang selama ini dianggap sebagai epidemik serius di seluruh dunia," katanya.

Ketua Penolong Pengarah Cawangan Aids/STD, Kementerian Kesihatan, Dr Abdul Rashid Kasri pula berkata, penganjuran kongres itu akan dapat menyematkan rasa keprihatinan lebih mendalam di kalangan masyarakat awam di negara ini mengenai penyakit berbahaya itu.

"Kesedaran masyarakat awam di Malaysia mengenai kedua-dua penyakit itu

memang boleh dianggap antara yang tertinggi di dunia. Jika kita tanya apa itu HIV dan Aids dan bagaimana ia berlaku, kebanyakannya dapat menjawab dengan tepat. Kesedaran mereka mengenai penyakit itu nyata tinggi, tetapi yang kurang ialah sikap keprihatinan. Ini berlaku kerana kebanyakan mereka menganggap masalah HIV dan Aids sebagai masalah orang lain dan tidak membabitkan mereka.

"Oleh itu, diharapkan penganjuran kongres itu akan dapat menyematkan rasa keprihatinan yang lebih mendalam kepada masyarakat negara ini mengenai penyakit itu," katanya.

Walaupun tiada kajian mengenai kesedaran masyarakat negara ini mengenai HIV dan Aids, difahamkan kebanyakan mereka mempunyai pengetahuan yang tidak menyeluruh mengenai kedua-dua penyakit itu. Mereka hanya tahu mengenainya berdasarkan kepada perkara yang mereka dengar sehingga mendorong kepada reaksi yang kurang tepat.

Keadaan ini dianggap amat menyedihkan dan selalunya apabila didapati menghidap HIV atau Aids, kebanyakan daripada mereka akan berasa kecewa, patah semangat dan menganggap tidak mempunyai harapan untuk hidup. Kesudahannya mereka menyerahkan nasib kepada keadaan tanpa berusaha untuk mendapatkan rawatan atau kaunseling.

"Tetapi kami berharap, stigma seperti ini yang akan dikikis melalui penganjuran simposium seperti ICAAP ini," kata Marina sambil menekankan penganjuran ICAAP Kelima akan turut menampilkan Malaysia sebagai negara Islam pertama menganjurkan kongres itu di rantau sebelah sini. Pembabitan Kuala Lumpur, katanya, secara tidak langsung akan mengetepikan tanggapan bahawa negara Islam tidak peka terhadap masalah HIV dan Aids serta cara menanganinya dengan bijak.

Selain itu, ia dijangka membuka mata sesetengah negara Islam yang selama ini beranggapan HIV/Aids bukan sebagai masalah dan tidak akan berlaku di kalangan masyarakat Muslim kerana setiap perbincangan di kongres itu akan diperbincangkan secara telus.

Aids mula dikesan pada 1981 dan pada awalnya ia dianggap sebagai kanser dan jangkitan hanya di kalangan masyarakat gay. Penyakit baru itu bagaimanapun kemudian dikenal pasti merebak melalui perhubungan seks rambang serta darah dan dari situ, pegawai perubatan menamakan penyakit itu sebagai Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (Aids). Selain punca amalan hidup kurang bermoral, jangkitan HIV/Aids juga dikesan melalui penagihan dadah dan perpindahan darah. Sehingga kini, tiada ubat yang benar-benar berkesan dalam menyembuhkan penyakit berbahaya itu.

Mengikut sumber Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO)/UNAids, negara membangun merangkumi 95 peratus daripada 33.4 juta penduduk dunia yang dijangkiti HIV atau Aids. Sekurang-kurangnya 6.2 juta penduduk Asia Pasifik pula dikesan membawa virus itu pada 1997.

Perangkaan Jangkitan Kes HIV di Malaysia bagi tempoh 1986 hingga September 1998 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan pula melaporkan kira-kira lima pesakit baru dilaporkan setiap hari atau 150 orang sebulan dengan 40 peratus daripada pesakit itu berusia antara 13 hingga 29 tahun. Sebanyak 1,547 kematian akibat HIV/Aids dilaporkan sehingga kini manakala 1,974 pesakit dalam keadaan nazak.

Sehingga 30 September 1998, seramai 27,405 pesakit jangkitan HIV dan 1,974 kes Aids, dikesan. Daripada jumlah itu, 20,003 kes dikesan membabitkan orang Melayu sebagai mempunyai jangkitan HIV, 4,028 (Cina), 2,449 (India), 678 (orang asing) dan 247 (tidak diketahui). Seramai 1,039 (Melayu), 672 (Cina), 182 (India), 59 (orang asing) dan 22 (tidak diketahui), terbabit dengan Aids.

Lee yang menyifatkan senario tempatan itu sebagai tidak menggemparkan tetapi membimbangkan, berkata pendidikan kepada masyarakat menjadi langkah pencegahan paling baik bagi menangani isu HIV dan Aids itu.

"Pencegahan dan rawatan tidak mencukupi. Kita masih memerlukan sokongan masyarakat sepenuhnya dan tidak hanya sekadar mengharapkan simpati serta dorongan semata-mata. Dengan erti kata lain, mereka yang menjadi mangsa HIV dan Aids tidak sepatutnya diabaikan. Anggota masyarakat seharusnya bersedia untuk memberikan kaunseling dan sokongan moral kepada mereka yang terbabit agar dapat terus hidup seperti biasa dan tidak berasa terasing," katanya.

Menurutnya, sebagai langkah pencegahan, pihak berkuasa di Malaysia sudah mengambil pelbagai tindakan sewajarnya, termasuk tanggungjawab individu, pekerja kesihatan, majikan, pendidikan, penjara dan pusat tahanan.

Dr Rashid berkata, kesungguhan kerajaan untuk menangani masalah itu dapat dilihat melalui pelbagai kempen yang dianjurkan dari semasa ke semasa serta belanja dikeluarkan untuk menyedarkan orang ramai mengenai bahaya penyakit itu.

"Begitupun, masih ada ruang untuk membaiki keadaan, terutama dalam perubahan sikap orang ramai. Tanpa perubahan sikap terhadap masalah ini, sebarang usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan akan menjadi sia-sia," katanya.

(END)